

Headline	Trend permintaan hartanah 2019		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	160,000
Page No	43	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	775 cm <sup>2</sup>
Journalist	NORSHAHZURA MATZUKI	AdValue	RM 13,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,659



# Trend permintaan hartanah 2019

## Selangor, Pulau Pinang, Johor catat permintaan tinggi

NORSHAHZURA MATZUKI

**T**REND penurunan harga rumah dijangka berterusan sekurang-kurangnya untuk tempoh separuh pertama tahun ini walaupun terdapat peningkatan sentimen pengguna dan dasar-dasar kerajaan yang proaktif seperti diumumkan dalam Bajet 2019.

Pengurus Negara PropertyGuru Malaysia, Sheldon Fernandez berkata, Indeks Pasaran PropertyGuru mendapati, pertanyaan harga rumah terus menunjukkan trend penurunan sebanyak 2.3 peratus tahun ke tahun.

Menurutnya, indeks itu menganalisis 250,000 hartanah yang tersenarai di PropertyGuru mendapati 1.3 juta rakyat Malaysia mencari hartanah di portal berkenaan.

Bagaimanapun katanya, terdapat peningkatan minat terhadap hartanah di lokasi-lokasi Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

"Walaupun terdapat penurunan dalam permintaan harga, permintaan hartanah di Kuala Lumpur masih kukuh dengan kawasan popular dan yang menjadi keutamaan iaitu Bangsar, Mont Kiara dan Cheras.

"Jenis hartanah yang dicari di ketiga-tiga kawasan itu ialah kondominium, diikuti pangsapuri dan rumah bandar," katanya.

Jelasnya, ketiga-tiga kawasan itu menjadi tumpuan di Kuala Lumpur kerana harga lebih berpatutan berbanding hartanah bertanah.

"Kebanyakan mereka mencari rumah berharga di bawah RM300,000, yang mana ia sukar didapati kerana banyak hartanah di lokasi ini bernilai lebih daripada harga tersebut," katanya.

Tambahnya, salah satu cara terbaik untuk memeriksa apa yang dicari adalah dengan menggunakan PropertyGuru Mortgage Pre-Qualifier yang dapat memberikan maklumat kepada pembeli mengenai kelayakan mereka untuk membuat pinjaman dan 99.5 peratus ketepatanannya.

### Permintaan hartanah Selangor tinggi

Indeks Pasaran PropertyGuru mendapati, permintaan hartanah di Selangor tinggi meskipun harga menurun dengan hartanah di Petaling




Kawasan yang menjadi tumpuan di Selangor.



Kawasan yang menjadi tumpuan di Pulau Pinang.



Kawasan yang menjadi tumpuan di Johor.



Kawasan yang menjadi tumpuan di Kuala Lumpur.

Jaya, Shah Alam dan Subang Jaya menduduki tempat teratas dalam senarai itu.

Fernandez berkata, hartanah yang dicari ialah kondominium, diikuti pangsapuri dan rumah teres dua tingkat dan melihat kepada pembangunan berorientasikan transit (TOD).

"Terdapat peningkatan yang kuat dalam permintaan untuk hartanah yang terletak di lokasi strategik atau secara langsung dihubungkan dengan laluan MRT dan LRT.

"Faktor lain seperti penyelenggaraan harta benda dan kemudahan gaya hidup akan memainkan peranan bagi pembeli untuk menentukan sama ada ia sesuai, memandangkan pembeli mempunyai banyak pilihan dalam pasaran yang tepu dengan bekalan," katanya.

### 3 kawasan perumahan popular

Fernandez berkata, kawasan perumahan paling popular di Pulau Pinang adalah Georgetown, Bayan Lepas dan Tanjung Tokong kerana mudah ke pusat bandar dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pe-

**Indeks itu menganalisis 250,000 hartanah yang tersenarai di PropertyGuru mendapati 1.3 juta rakyat Malaysia mencari hartanah di portal berkenaan."**

- Fernandez



"Unit utama Dual mungkin popular kepada mereka yang ingin bekerja dan hidup di tempat yang sama. Unit bersaiz kecil ini akan dibina dekat dengan pengangkutan awam dilengkapi banyak kemudahan," katanya.

Sementara itu beliau berkata, kawasan perumahan paling popular di Johor adalah Johor Bahru, Nusajaya, dan Bukit Indah.

"Tidak seperti negeri lain di mana pembeli hartanah paling berminat dengan kediaman bertingkat,

di Johor permintaan tinggi adalah untuk hartanah bertanah terutamanya rumah teres dua tingkat," katanya.

### Bantu 100,000 rakyat miliki rumah

Fernandez berkata, secara keseluruhan walaupun keadaan pasar yang lembap, keadaan ini sihat kerana terdapat banyak tawaran pembelian dan penyewaan untuk dipilih rakyat Malaysia, dan menggalakkan inovasi juga idea yang lebih baik untuk diperjuangkan berkaitan pembinaan dan reka bentuk, penggunaan spatial, teknologi dan sebagainya.

"Kami berminat dengan pembelian rumah di Malaysia dan mandat kami adalah untuk memastikan rakyat Malaysia dilengkapi dengan akses yang baik mengenai keadaan kewangan mereka, apa yang mereka mampu dan bagaimana memanfaatkan peluang untuk mereka mendapatkan pinjaman rumah, melalui inisiatif 'Own Your Home' yang bertujuan membantu 100,000 rakyat Malaysia capai impian memiliki rumah sendiri," katanya.